

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**HKN 501 - Karya-Karya Terpilih dalam Kesusasteraan
Nusantara**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. **DUA** dari Bahagian A dan **DUA** dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Pengalaman merantau menobatkan Arena Wati sebagai wira samudera, manakala sentuhan rasa Usman Awang dalam karya-karyanya memperlihatkan beliau sebagai pejuang semangat Melayu, sementara Hassan Ibrahim menjadi pemangkin karya-karya satira Melayu. Berdasarkan karya-karya mereka yang pernah anda kaji, perlihatkan secara kritis sejauhmanakah pengarang-pengarang tersebut mempunyai keselarian amanat dan wawasan untuk menjana warisan bangsa yang berdaulat?
2. Dalam novel *Tunggul-Tunggul Gerigis*, Shahnon Ahmad telah membina unsur-unsur yang bertentangan dalam membina makna teks. Berdasarkan pernyataan itu, huraikan secara terperinci fungsi dan kesan pertentangan terhadap keseluruhan perjalanan novel tersebut. Perlihatkan juga sejauhmanakah unsur ini boleh memberikan kelainan dan keunikan Shahnon berkarya?
3. Danarto sering berkata:
Danarto hanyalah barang ciptaan yang diberi alat-alat untuk berjalan, berbicara, berfikir, mendengar atau merasakan. Dan itu semua sebenarnya tidak ada dan hanya Pencipta saja yang ada.

Berdasarkan cerpen-cerpen Danarto yang terhimpun dalam antologi *Setangkai Melati Di Sayap Jibril* dan *Berhala*, bincangkan pernyataan di atas.

BAHAGIAN B

4. Fungsi utama "syair romantis" ialah memulihkan keseimbangan perasaan di dalam jiwa melalui keindahan yang diketarakan melalui "struktur verbal" dan "struktur mental" karangan tersebut. Bincangkan fungsi di atas dalam konteks penceritaan seorang dalang dan pengkategorian karyanya mengikut hukum "Buku Tradisi" dalam sistem sastera Melayu. Dengan merujuk kepada *Syair Ken Tambuhan* analisiskan "struktur verbal" dan "struktur mental" karya tersebut.
5. Sebagai wacana fakir, *Syair Raja Tedung dengan Raja Katak* tergolong dalam karya yang bersifat "commemorative" atau "mengingat". Huraikan dan perlihatkan sifat ini melalui dua lapis bacaan teks tersebut, yakni sebagai sebuah komedi kelupaan dan sebuah satira politik.

6. Tujuan moral dalam karya-karya annal telah menjadikannya lebih bersifat karya historiosofi berbanding historiografi. Huraikan kedua-dua konsep tersebut, dan dengan merujuk kepada teks-teks annal yang anda tahu, bincangkannya sebagai karya historiosofi dan historiografi.

- 000 0 000 -